

Sri Ram profesional dalam siasatan Najib

Oleh **NORLIZAH ABAS**

utusannews@mediamulia.com.my


KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini semalam diberitahu, tiada sebarang bukti menunjukkan Datuk Seri Gopal Sri Ram terlibat dalam salah laku ketika mengetuai pendakwaan kes Datuk Seri Najib Tun Razak yang menghadapi tuduhan meminda laporan audit 1Malaysia Development Bhd. (1MDB).

Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Akram Gharib berhujah, bekas Hakim Mahkamah Persekutuan itu seorang yang profesional dan bertindak dalam bidang kuasanya selaku pendakwa raya serta tidak pernah mencampuri urusan siasatan terhadap bekas Perdana Menteri itu.

Hujah Ahmad Akram, tiada fakta material yang menyokong dakwaan Najib bahawa Sri Ram bersikap berat sebelah terhadap beliau walaupun bekas hakim kanan itu tidak menafikan pernah bertemu bekas Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali di rumahnya di Jalan Dutamas di sini pada Januari 2018.

Selain itu menurutnya, teks melalui aplikasi WhatsApp di antara Sri Ram dan Mohamed Apandi hanyalah perbualan di antara dua sahabat lama kerana kedua-duanya pernah berkhidmat sebagai hakim Mahkamah Persekutuan.

Ahmad Akram kemudian menarik perhatian mahkamah berhubung tingkah laku Sri Ram sepanjang persediaan kes sehingga perbicaraan bermula yang mana menurut beliau, selaku pendakwa



GOPAL SRI RAM

raya, Sri Ram hanya berpandukan kepada kertas siasatan seperti yang dipraktikkan oleh timbalan-timbalan pendakwa raya lain ketika mengendalikan kes.

Sehubungan itu, beliau memohon mahkamah menolak permohonan Najib untuk menggugurkan Sri Ram daripada mengetuai pasukan pendakwaan dalam kes berkenaan.

Pada 12 Jun tahun lalu, Najib, 68, mengemukakan permohonan untuk menggugurkan Sri Ram dengan disokong oleh dua afidavit yang difailkan oleh bekas Perdana Menteri itu dan Mohamed Apandi.

Sementara itu, peguam Tan Sri Dr. Muhammad Shafee Abdullah berhujah agar peguam terkemuka itu tidak lagi terlibat dalam pasukan pendakwaan manakala perbicaraan diteruskan dengan diketuai oleh timbalan pendakwa raya yang lain.

Beliau yang mewakili Najib berhujah, pelantikan Sri Ram

mengetuai pasukan pendakwaan mewujudkan konflik kepentingan dan situasi berat sebelah kerana bekas Hakim Mahkamah Persekutuan itu telah membuat andaian dan menentukan anak guamnya bersalah sebelum didakwa di mahkamah.

Hujah Muhammad Shafee, surat lantikan yang dikeluarkan kepada Sri Ram menimbulkan keraguan kerana Seksyen 376 Kanun Tatacara Jenayah yang disandarkan untuk melantik beliau sebenarnya hanya diguna pakai untuk lantikan pendakwa raya secara tetap, bukan secara 'Ad Hoc'.

Dalam hujahnya, Muhammad Shafee turut menyatakan, perbualan di antara Mohamed Apandi dan Sri Ram kemudian didedahkan kepada pihak media yang boleh menimbulkan persepsi umum bahawa bekas hakim kanan itu mencampuri urusan siasatan sehingga membawa kepada pendakwaan Najib.

Ujar peguam bela, tindakan menggugurkan Sri Ram daripada mengetuai pasukan pendakwaan bukan bertujuan menghukum beliau, sebaliknya bagi mengelak persepsi umum terhadap kes tersebut.

Hakim Mohamed Zaini Mazlan menetapkan 15 Februari ini bagi keputusan permohonan bekas Perdana Menteri itu.

Najib, 68, didakwa menggunakan jawatannya bagi mengarahkan supaya Laporan Akhir Pengauditan 1MDB dipinda sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC).